

RUJ. KAMI (OUR REF) :  
RUJ. TUAN (YOUR REF) :

UMP.02.01/10.12/2 JILID 5 (2)..

12 Disember 2012

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4 TAHUN 2012 :  
ARAHAN PENGUATKUASAAN PENJIMATAN UTILITI DI UNIVERSITI MALAYSIA  
PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 4 Tahun 2012 mengenai Arahan Penguatkuasaan Penjimatan Utiliti Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(HJ. MUSTAFA BIN IBRAHIM)**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k : - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

## PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2012

### ARAHAN PENGUATKUASAAN PENJIMATAN UTILITI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Adalah dimaklumkan bahawa Arahan Penguatkuasaan Penjimatan Utiliti di Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2012 bertujuan untuk memperkasakan Panduan Penjimatan Utiliti Kampus UMP yang telah dikeluarkan oleh Naib Canselor kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab melalui surat UMP.01/10.12/1 (2) bertarikh 30 Disember 2009.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Khas Bilangan 3/2012 pada 22 November 2012 telah membuat keputusan bahawa semua staf di Universiti Malaysia Pahang adalah dikehendaki mematuhi arahan penjimatan elektrik terutamanya melalui penggunaan penghawa dingin. Semua staf hendaklah mula **menghidupkan penghawa dingin di pejabat masing-masing selepas jam 8:30 pagi dan mematikannya pada jam 4:30 petang pada setiap hari bekerja**. Sejajar dengan keputusan ini, arahan terdahulu pada Perkara B.1 di dalam Panduan Penjimatan Utiliti Kampus UMP adalah dibatalkan. Walau bagaimanapun, arahan selainnya di dalam panduan berkenaan masih digunakan.

Semua staf hendaklah mematuhi arahan ini dan Panduan Penjimatan Utiliti Kampus UMP berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang Benar,



(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

- s.k - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

## PANDUAN PENJIMATAN UTILITI KAMPUS UMP

### A. ELEKTRIK

1. Lampu dipasang bila perlu sahaja dan ditutup bila tidak digunakan
2. Lampu dipasang untuk zon/kawasan bekerja sahaja
3. Kurangkan atau Tutup bekalan kuasa bila tidak digunakan seperti komputer, water dispenser, laser printer, air-conditioning
4. Tidak menggunakan lampu hiasan selepas jam 12.00 malam
5. Jangan tinggalkan komputer dalam *mode standby* dalam waktu yang lama dan selepas waktu pejabat
6. Tutup lampu ketika waktu rehat bekerja (masa 1.00pm 2.00pm)
7. Maksimumkan penggunaan cahaya semulajadi (sumber matahari)

### B. PENGHAWA DINGIN

Kira-kira 40% - 70% penggunaan tenaga elektrik berpunca daripada penggunaan sistem penghawa dingin. Dengan itu, kawalan ke atas penggunaan akan membantu untuk penjimatan tenaga elektrik di UMP.

1. Penghawa dingin berpusat ditutup selepas 5.30pm
2. Sentiasa memastikan penghawa dingin ditutup sebelum meninggalkan pejabat
3. Memastikan suhu yang bersesuaian dan sentiasa melaraskan suhu kepada bahagian yang sederhana seperti 24 ° C
4. Sentiasa memastikan pintu ditutup bagi mengelakkan udara sejuk keluar

### **C. AIR**

1. Sentiasa memastikan pili air ditutup dengan kemas dan jimatkan penggunaan
2. Jangan tinggalkan pili air dalam keadaan buka bila kejadian tiada bekalan air

### **D. KENDERAAN**

Berkongsi kenderaan jabatan kecuali bagi Pengurusan/Ketua PTJ

### **E. BILIK /KULIAH/DEWAN**

1. Elakkan pembatalan kelas tanpa alasan yang munasabah
2. Kelas waktu malam seboleh-bolehnya ditiadakan atau dipusatkan di blok tertentu sahaja dan tidak berselerak.
3. Penggunaan bilik kuliah/dewan kuliah secara optimum sekurang-kurangnya 70%